



**JABATAN PERHUBUNGAN PERUSAHAAN SABAH
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

TINGKAT 4, BLOK C, BANGUNAN KWSP,
PETI SURAT 11304,
88814 KOTA KINABALU, SABAH.

No. Tel : 088-270369 / 270361
No. Fax : 088-270368,
Email : jppmsab@mohr.gov.my.



Ruj. Tuan:
Ruj. Kami: JPPM.SAB.600-/10/Jld 2
Tarikh : 12 Februari 2020

Pengurus
Malaysia Productivity Corporation
Lorong Produktiviti
Jalan Sultan, 46200
Petaling Jaya, Selangor

Tuan,

**JEMPUTAN SEBAGAI PENCERAMAH BAGI SEMINAR PLWS NEGERI
SABAH 2020**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Jabatan Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) akan menganjurkan Seminar PLWS. Seminar ini akan memberi fokus kepada penerangan asas *Productivity-Linked Wage System* (PLWS), perkongsian pengalaman oleh syarikat besar serta IKS Sabah. Para peserta seminar pula adalah terdiri daripada para majikan dan juga kesatuan sekerja di Sabah.

3. Untuk makluman pihak tuan/puan, program tersebut di atas akan diadakan sebagaimana ketetapan berikut:-

Tarikh : 12 Mac 2020 (Khamis)
Masa : 08.00 pagi – 04.00 petang
Tempat : Promenade Hotel Kota Kinabalu
12, Lorong Api - Api 2, Api-api Centre, 88000
Kota Kinabalu, Sabah

4. Sehubungan dengan itu, pihak Jabatan berbesar hati untuk **menjemput tuan bagi berkongsi** berhubung dengan kepentingan pengukuran tahap produktiviti dan kaitan dengan upah.

5. Untuk makluman pihak tuan juga, pihak penganjur ada menyediakan penginapan (bilik *single*) seperti ketetapan berikut:

Check-in : 11 Mac 2020 (Rabu) mulai jam 3.00 petang
Check-out : 12 Mac 2020 (Khamis) sebelum jam 1.00 petang

6. Bersama-sama ini disertakan Aturcara Program sepertimana di **Lampiran**. Mohon kerjasama tuan juga untuk mengembalikan **borang persetujuan jemputan yang telah lengkap diisi sebelum atau pada 28 Februari 2020 (Jumaat)** kepada alice@mohr.gov.my atau zakizainon@mohr.gov.my. Sebarang pertanyaan lanjut, tuan boleh hubungi **Mohamad Zaki bin Zainon** di talian **088-270369/361**.

7. Persetujuan tuan dalam hal ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Amanah Aspirasi Negara"

Saya yang menjalankan amanah,



Alice Gervasius

Penolong Pengarah

b.p. Pengarah

Perhubungan Perusahaan Sabah

ATURCARA PROGRAM
SEMINAR PLWS NEGERI SABAH 2020

<u>11.03.2020 (Rabu)</u>	
3.00 ptg – 5.30 ptg	Daftar Masuk Penginapan & Persiapan Jabatan

<u>12.03.2020 (Khamis)</u>	
8.00 pagi-8.30 pagi	Pendaftaran Peserta / Welcoming Refreshment
8.30 pagi -9.15 pagi	Majlis Perasmian oleh Y.Brs. Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan Malaysia
9.30 pagi – 10.00 pagi	Sesi 1 : Pengenalan kepada Jabatan dan Peranan Jabatan Dalam PLWS Penceramah : Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Keharmonian, Ibu Pejabat JPPM
10.00 pg– 10.15 pg	Minum Pagi
10.15 pg – 11. 50 pg	Sesi 2: Tajuk :Kepentingan Pengukuran Tahap Produktiviti Dan Kaitan Dengan Upah Penceramah : Malaysia Productivity Corporation (MPC)
11.50 pagi – 1.00 t/hari	Sesi 3 : Tajuk: Perkongsian Perlaksanaan PLWS oleh Syarikat Penceramah : Syarikat ABX Express (M) Sdn. Bhd.
1.00 t/hari -2.30 ptg	Makan Tengahari / Bersurai
2.30 ptg – 3.30 ptg	Sesi 4: Tajuk: Perkongsian Perlaksanaan PLWS oleh Syarikat Penceramah : IKS Sabah
3.30 ptg – 4.00 petang	Minum Petang
4.00 ptg	Bersurai



**BORANG PERSETUJUAN PENCERAMAH
SEMINAR PLWS NEGERI SABAH 2020**

Tuan,

PENGESAHAN JEMPUTAN PENCERAMAH SEMINAR PLWS NEGERI SABAH 2020

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa penceramah yang akan hadir adalah seperti berikut:

Bil	Nama Penceramah	Jawatan	Emel	No. Telefon Bimbit
1				

Nota: Mohon kembalikan borang persetujuan jemputan sebelum atau pada 28 Februari 2018 (Rabu) kepada alice@mohr.gov.my atau zakizainon@mohr.gov.my.

Sekian, terima kasih.

.....
(Cop syarikat)